SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA **24 OKTOBER 2026**
TM.271/2026

TOURISM MALAYSIA DAN MYDIN KETENGAHKAN PRODUK PELANCONGAN TEMPATAN MENERUSI "JELAJAH LOKAL TREASURE HUNT"

SUBANG JAYA – Tourism Malaysia dan Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) hari ini melancarkan program 'Jelajah Lokal Treasure Hunt', dengan kerjasama beberapa rakan strategik, bagi merancakkan lagi pelancongan domestik serta mempromosikan destinasi-destinasi percutian menarik di seluruh negara.

Program ini merupakan kesinambungan daripada kempen 'Jom Jalan MYDIN' yang dilancarkan pada bulan Julai 2026 lalu. Pelepasan *(flag-off)* Jelajah Lokal Treasure Hunt telah diadakan di MYDIN Subang Jaya, sebelum peserta memulakan perjalanan ke MYDIN MITC, Melaka bagi pusingan pertama. Pertandingan interaktif ini dianjurkan dalam tiga pusingan, merangkumi laluan MYDIN Subang Jaya ke MYDIN MITC, Melaka (24 Oktober); MYDIN Gopeng RTC ke MYDIN Bukit Mertajam, Pulau Pinang (31 Oktober); dan berakhir dengan laluan dari MYDIN Kuala Terengganu ke MYDIN Tunjong, Kelantan pada 7 November ini.

Setiap pusingan bakal menyaksikan penyertaan sebanyak 50 pasukan (empat peserta berumur 18 tahun ke atas bagi setiap pasukan) yang akan bersaing untuk merangkul hadiah keseluruhan bernilai RM45,000. Inisiatif ini turut mendapat sokongan daripada rakan-rakan strategik industri termasuk Tabung Haji Travel and Services, Sunway Lagoon, Lost World of Tambun, Setel, Atome, dan Malaysia Hunt Club.

YBrs. Encik Lee Thai Hung, Timbalan Ketua Pengarah (Promosi II) Tourism Malaysia berkata, "Program ini selari dengan usaha untuk memperkasakan segmen pelancongan beli-belah, yang kekal sebagai antara penyumbang utama kepada pendapatan pelancongan domestik negara. Menerusi konsep eksplorasi, peserta bukan sahaja dapat menikmati pengalaman peruncitan bernilai tambah, malah berpeluang merancakkan VM2026-2027 dengan mengetengahkan keunikan destinasi tempatan selari dengan aspirasi *'Yang Indah, Destinasi Kita'*."

Pengarah Urusan MYDIN, Datuk Wira (Dr.) Haji Ameer Ali Mydin, berkata, "Melalui Jelajah Lokal Treasure Hunt, kami berharap lebih ramai rakyat Malaysia mengambil

peluang untuk meneroka destinasi tempatan dan menghargai kepelbagaian tarikan yang terdapat di negara ini. Kerjasama dengan Tourism Malaysia dan rakan strategik yang lain juga penting bagi memperluas promosi pelancongan domestik serta mewujudkan pengalaman yang menarik kepada peserta."

Program ini juga turut disisipkan dengan inisiatif tanggungjawab sosial korporat MYDIN Prihatin, dengan peruntukan RM15,000 bagi menyediakan 150 kotak makanan bernilai RM100 setiap satu untuk diagihkan kepada 150 keluarga golongan B40 di ketiga-tiga kawasan terlibat. Bagi pusingan pertama di Melaka, sebanyak 50 keluarga yang memerlukan akan dikenal pasti sebagai penerima kotak makanan ini.

Pertumbuhan positif sektor pelancongan domestik negara terus dipacu menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi. Bagi separuh pertama tahun 2026, Malaysia merekodkan sebanyak 151.6 juta pelawat domestik, meningkat 5.6 peratus berbanding 143.5 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2025. Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik turut mencatatkan peningkatan sebanyak 14 peratus kepada RM66.8 bilion, berbanding RM58.6 bilion pada tahun sebelumnya. Perkembangan ini mencerminkan momentum positif aktiviti pelancongan domestik serta sumbangannya yang semakin signifikan kepada ekonomi negara.

Momentum positif ini turut disokong oleh segmen beli-belah yang kekal sebagai antara tiga tujuan utama perjalanan domestik bagi separuh pertama tahun 2026. Pada tahun 2025, segmen ini menyumbang sebanyak 36.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pelancongan domestik berjumlah RM121.3 bilion, sekali gus memperlihatkan potensi besar pelancongan beli-belah dalam merancakkan industri pelancongan negara.

Sehubungan itu, pelaksanaan inisiatif sinergi seperti Jelajah Lokal Treasure Hunt berpotensi memperkukuh daya tarikan pelancongan beli-belah, di samping menggalakkan orang ramai meneroka destinasi tempatan. Kerjasama strategik antara Tourism Malaysia dengan sektor swasta, termasuk MYDIN, diharap dapat terus memperluas peluang promosi dan merancakkan aktiviti pelancongan domestik, selaras dengan aspirasi Kempen Melawat Malaysia 2026–2027 (VM2026–2027).

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang kepada komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di Facebook, Instagram, X, YouTube dan TikTok.

MYDIN

Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) merupakan rangkaian pemborong dan peruncitan terbesar tempatan yang beroperasi sejak Ogos 1957. Dengan slogan Mengapa Bayar Lebih? Belilah Dengan Harga Borong! MYDIN terus menjadi penggerak utama industri peruncitan halal bagi membekalkan pelbagai pilihan produk berkualiti yang berorientasikan polisi harga borong setiap hari. MYDIN kini mempunyai 82 cawangan seluruh negara melibatkan tujuh format perniagaan. Layari laman sesawang rasmi www.mydin.my untuk maklumat lanjut.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Masrina binti Mohd Bakri
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Pakej
masrina@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8544

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

Ashraf Roslan
Jabatan Komunikasi Korporat
Mydin Mohamed Holdings Berhad
marcomm@mydin.com
Tel: +6010 982 2581